

Jenis Akhbar : Utusan Sarawak

Tarikh : 04/07/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 28

Tajuk : Kedah jadi hub pengeluaran jagung bijirin

Kedah jadi hub pengeluaran jagung bijirin

YAN: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bercadang menjadikan Kedah sebagai hub pengeluaran jagung bijirin selepas projek tanaman itu di Napoh dekat Jitra mengeluarkan hasil pada September ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata menerusi usahasama yang baik antara pihaknya dengan syarikat perladangan, Famox Plantation (M) Sdn. Bhd, projek itu diyakini mampu mengurangkan kebergantungan negara terhadap import bijirin bagi kegunaan makanan ternakan tempatan.

Katanya sehingga kini tanaman jagung di kawasan tanah seluas 83 hektar menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan dan Angkasa akan memperluaskan tanaman itu di daerah-daerah lain dengan anggaran peruntukkan keseluruhan ber-jumlah RM1.7 juta.

"Kerjasama kita dengan Famox Plantation (M) Sdn Bhd pada Mei lalu telah menampakkan hasilnya



FAMOX Plantation (M) Sdn Bhd pada Mei lalu menampakkan hasilnya apabila medapat menghasilkan kira-kira 520 tan metrik jagung bijirin dengan pulangan kepada koperasi sebanyak RM1.2 juta.

apabila kita menjangkakan dapat menghasilkan kira-kira 520 tan metrik jagung bijirin dengan pulangan kepada koperasi sebanyak RM1.2 juta.

"Ia projek fasa pertama dengan peruntukkan kira-kira RM700,000, Insya-Allah kita bersedia untuk memperluaskan tanaman ini di kawasan lain dengan kerjasama kerajaan negeri Kedah yang menunjukkan minat berkenaan industri tersebut," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Angkasa negeri Kedah di sini, baru-baru ini.

Abdul Fattah berkata sekiranya projek tersebut berjaya mencapai objektif

yang disasarkan, Angkasa berhasrat mengembangkannya dengan penglibatan 12 buah koperasi di kawasan lain yang akan ditentukan kemudian.

"Dengan penghasilan sendiri jagung bijirin ini, saya percaya ramai penternak di negeri ini akan mudah mendapatkan produk tersebut dengan harga lebih murah dan halal dan pada masa sama ia dapat menambahkan hasil kepada anggota koperasi," katanya.

Menurutnya ketika ini negara mengimport bekalan jagung bijirin mencecah RM3.9 bilion dalam usaha menampung permintaan makanan ternakan di pasaran tempatan. - Bernama

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA